

Dr M enggan ulas pandangan Khairy agar LID dihentikan
Utusan Online
Jun 19, 2011

PUTRAJAYA 19 Jun – Pengasas Dialog Antarabangsa Langkawi (LID), Tun Dr Mahathir Mohamad tidak terganggu dengan pandangan Ketua Pergerakan Pemuda UMNO, Khairy Jamaluddin Abu Bakar supaya dialog itu dihentikan.

"Orang ramai mempunyai pandangan yang berbeza, mereka berhak mempunyai pendapat sendiri, setiap orang berhak memiliki pandangan sendiri," katanya di sini hari ini.

Bekas Perdana Menteri itu ditemui selepas berakhir majlis perasmian LID 2011 yang disempurnakan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak di Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya hari ini.

Khairy dalam kenyataan di Twitter berkata: "Robert Mugabe (Presiden Zimbabwe) tiba di Malaysia. Apa yang kita dapat dengan menjemput pemimpin macam dia? Dah lama dah... patut berhenti dialog cam ni." – Bernama

Hakcipta Terpelihara © UTUSAN MELAYU (M) BERHAD

Source:

http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2011&dt=0619&pub=utusan_malaysia&sec=Terkini&pg=bt_10.htm&arc=hive